

# Pengusaha kosmetik racun boleh dipenjara

**K**UALA LUMPUR: Pengusaha sebuah syarikat kosmetik tempatan terkenal berdepan hukuman berat termasuk penjara dan denda kerana melakukan kesalahan kali kedua memasarkan produk mengandungi bahan pemutih, hidrokuinon yang diharamkan.

Pengarah Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan, Datuk Che Mohd Zin Che Awang, berkata pihaknya akan memastikan pengusaha barang kosmetik itu menerima tindakan tegas dan tidak terlepas dengan hanya membayar denda.

Beliau berkata, pihaknya tidak lagi boleh berlembut kerana pengusaha sama melakukan kesalahan itu tanpa rasa malu dan terus memasarkan barang yang diharamkan kerana mengandungi hidrokuinon.

"Seperti didedahkan baru-baru ini, ada sesetengah pengusaha produk bukan saja tidak menarik balik barang mereka yang disahkan beracun daripada pasaran sebaliknya bertindak menukar jenama dan pembungkusan.

"Mungkin mereka fikir mereka bijak tetapi silaplah... Bagi kesalahan pertama kami masih berlembut, tetapi untuk kesalahan kedua, kita akan mendakwa bukan saja penjual tetapi pengusaha syarikat itu dan mereka akan dikenakan tindakan keras, penjara lima tahun dan denda RM50,000," katanya ketika dihubungi *Berita Minggu*.

Akta Racun 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 memperuntukkan denda tidak lebih RM25,000 dan tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali untuk kesalahan pertama, manakala denda RM50,000 dan penjara lima tahun untuk kesalahan kedua.

Mohd Zin berkata, kebanyakan mereka yang melakukan kesalahan ini mengaut-keuntungan yang besar hasil penjualan kosmetik haram. Justeru, bayaran denda RM25,000

# Pengusaha jual semula produk guna jenama lain

## DARI MUKA 1

untuk kesalahan pertama dan RM50,000 untuk kesalahan kedua tidak menjadi masalah kepada mereka. Justeru, mereka tidak takut untuk terus memasarkannya.

Katanya, bagi kesalahan kedua pengusaha produk kosmetik ini biasanya akan membuat rayuan untuk

tidak dipenjarakan. Bagaimanapun dengan kedegilan mereka dan lambakan produk kosmetik haram di pasaran, pihaknya akan bertindak segera upaya memastikan pemilik syarikat itu dipenjarakan jika disabitkan kesalahan.

Walaupun produk hidrokuinon diharamkan penggunaannya di Malaysia, sejak 2001 sebahagian besar pro-

duk kecantikan, termasuk daripada jenama terkenal dikesan mengandungi hidrokuinon dan dijual secara terbuka kepada orang ramai.

Malah, walaupun pernah disita, ada pengusaha kosmetik memasarkannya semula dengan menggunakan jenama lain. Selain itu mereka turut mendakwa produk berkenaan adalah keluaran terbaru yang ber-

asaskan herba, walaupun sebenarnya mengandungi hidrokuinon.

Kebanyakan pengguna biasanya beranggapan semua produk kosmetik memiliki tindakan balas yang sama. Lebih-lebih lagi jika produk itu berasaskan herba kerana ia disifatkan sebagai bahan semula jadi yang selamat dan sesuai dengan semua jenis kulit.